



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI PULAU PINANG  
(MAJLIS SUKAN NEGERI PULAU PINANG)**

---

**KENYATAAN TAWARAN**

**NO. TENDER : Bil. PSUKPP/TENDER/ 9 /2016**

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat berkelayakan yang berdaftar dengan **Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP)** dan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah kod bidang **220801 (KAWALAN KESELAMATAN)** dalam bidang perkhidmatan dibenarkan bagi menyertai tender berikut:-

**“PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI MAJLIS SUKAN NEGERI PULAU PINANG”**

2. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini dikehendaki mendaftar dengan Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang berkaitan. Hanya syarikat-syarikat yang telah mendaftar dengan Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang boleh mendapatkan **borang tender melalui laman Portal Rasmi Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang**.

3. Syarikat-syarikat yang ingin untuk turut serta dalam tender ini adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri sesi Taklimat dan Lawatan Tapak yang akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

**Tarikh : 27 September 2016**  
**Masa : 10.00 pagi**  
**Tempat : Bilik Cemerlang**  
**Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang**

**Kehadiran : Pemilik Syarikat (Wakil Tidak Dibenarkan)**

**Dokumen : Sila bawa bersama sijil asal dan salinan SSM dan wajib**  
**wajib KKM yang masih sah tempoh.**

4. Dokumen tender boleh dibeli dengan harga **RM50.00** secara *online* dan dimuat turun melalui Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang **mulai 28 September 2016**.

5. Dokumen tawaran tender yang telah lengkap diisi, berserta dokumen wajib (Lampiran B) hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan Tajuk Tender disebelah kanan atas sampul surat. Dokumen tender tersebut mestilah sampai **pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari pada 24 Oktober 2016** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender **PSUKPP/TENDER/9/2016** di **Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Paras 25, KOMTAR, Pulau Pinang**. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
6. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Tender di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit.
7. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <http://ep.penang.gov.my>

YB. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Pejabat Setiausaha Kerajaan  
Negeri Pulau Pinang

## **SPESIFIKASI KERJA**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>SPESIFIKASI KERJA</b>
1	Mengawal Kawasan  i. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang.  ii. Kompleks Sukan Titi Mukim, Titi Mukim.  iii Wisma Angkat Berat, Bukit Mertajam.  iv Pusat Kegiatan Sukan Air, Tanjung Bungah.	 i. 2 orang pengawal (siang), 2 orang pengawal (petang) dan 2 orang pengawal (malam) perlu berada di pintu utama Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dan tidak membenarkan sesiapa yang tiada urusan memasuki kawasan bangunan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang.  ii. Salah seorang pengawal perlu meronda dan melakukan pemantauan keselamatan di seluruh kawasan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang 1 jam sekali pada waktu siang, 1 jam sekali di waktu petang dan 1 jam sekali waktu malam  iii. Seorang pengawal di kawasan bil (ii) hingga (iii) malam sahaja manakala di kawasan bil (iv) petang dan malam untuk penugasan seperti spesifikasi kerja bil ( i ) di atas dan melakukan pemantauan keselamatan di seluruh kawasan setiap satu jam bertugas.
2	Lain-Lain Tugas	 i. Menahan penceroboh jika ada dan menyerahkannya kepada pihak Polis Diraja Malaysia.  ii. Membuat laporan kepada Pegawai Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang jika terdapat sebarang kegiatan atau kejadian yang tidak diingini dan menyalahi undang-undang dalam bangunan dan kawasan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang.  iii. Memastikan tiada sebarang aktiviti-aktiviti yang tidak mendapat kelulusan Pengurusan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang.  iv. Menerima dan melaksanakan semua arahan dari Pegawai Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang.  v. Membuat catatan dan laporan dalam Buku Log Keselamatan setiap jam bertugas.

## **SYARAT DAN KETETAPAN TUGAS**

- i. Kontraktor perlu membekalkan anggota Pengawal Keselamatan secara syif untuk bertugas pada waktu pagi / petang / malam tiap-tiap hari selama 24 jam termasuk hari Ahad dan hari Kelepasan AM seramai 2 orang setiap syif tidak termasuk Penyelia. Syif pagi dari 0700 – 1500 jam, Syif petang dari 1500 – 2300 jam dan syif malam dari 2300 – 0700 jam di kawasan bil (i). Kawasan bil (ii) dan (iv) seorang setiap syif untuk syif malam 2300 – 0700 jam sahaja manakala kawasan bil (iii) seorang setiap syif . Syif petang 1500 – 2300 dan syif malam 2300 – 0700 jam.
- ii. Pengawal-pengawal Keselamatan yang telah tamat tugas mengikut syifnya tidak dibenarkan meninggalkan tempat bertugas tanpa pengganti. Mereka perlu menunggu sehingga pengganti melapor diri dan membuat serahan tugas dengan sah sebelum menamatkan tugas.
- iii. Semua Pengawal Keselamatan yang dilantik mestilah **Warganegara Malaysia sahaja** dan hendaklah berumur 18 tahun ke atas dan tidak melebihi 65 tahun.
- iv. Pengawal Keselamatan yang bertugas hendaklah sihat tubuh badan dan terlatih dalam bidang kawalan keselamatan.
- v. Kontraktor dikehendaki menyediakan satu senarai nama pengawal yang lengkap seperti berikut:-
  - a) Nama Penuh
  - b) Alamat Kediaman
  - c) No. Kad Pengenalan
  - d) Jantina
  - e) No. Telefon Bimbit (sekiranya ada)
  - f) No. Telefon Kediaman (sekiranya ada)

Senarai ini hendaklah dikemukakan kepada Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dengan segera. Sekiranya ada perubahan kepada senarai tersebut ataupun berlakunya penukaran mana-mana Pegawai Keselamatan yang bertugas, Kontraktor perlu memaklukkannya secara bertulis kepada Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang.

- vi. Pengawal-Pengawal Keselamatan haruslah berkelakuan baik dan jujur serta memberi Perkhidmatan secara professional sepanjang masa. Mana-mana pengawal yang berkelakuan tidak disenangi oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang boleh diarah keluar dari kawasan MSNPP dan tidak akan dibenarkan bertugas semula.
- vii. Pengawal hendaklah menentukan pagar, pintu, bangunan-bangunan dalam keadaan yang sempurna iaitu tidak pecah atau rosak. Sekiranya terdapat sebarang kerosakan atau kebocoran pail atau apa-apa penemuan lain yang dikesani semasa rondaan dan pemantau dilakukan, hendaklah ia dimaklumkan dengan segera kepada Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dan/atau mana-mana kakitangan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang.
- viii. Kontraktor adalah bertanggungjawab terhadap keselamatan semua harta benda Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dan/atau harta benda Kerajaan Malaysia. Apa-apa kerugian akibat kecurian, kehilangan, kerosakan dan sebagainya yang disebabkan oleh kecuaiannya pengawal-pengawal keselamatan dalam menjalankan tugas mereka akan ditanggung sepenuhnya oleh Kontraktor.

- ix. Sekiranya pengawal mendapati terdapatnya lampu, penghawa dingin, komputer dan sebagainya tidak dipadamkan oleh mana-mana pihak, pengawal hendaklah mencatatkan dan melaporkan kejadian tersebut kepada Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dan/atau mana-mana kakitangan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang pada hari berikutnya.
- x. Kontraktor bertanggungjawab ke atas kehilangan atau kerosakan kunci-kunci dalam jagaannya. Pengawal hendaklah merekodkan di dalam buku rekod setiap pengambilan kunci oleh pihak yang dibenarkan dalam senarai nama yang dipamerkan di bilik pengawal. Buku rekod akan disemak dan diperiksa oleh Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang atau mana-mana pegawai yang diamanahkan oleh Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang pada bila-bila masa.
- xi. Kontraktor perlu membekalkan walkie-talkie dan peralatan clocking semasa rondaan supaya bukti rondaan dapat ditunjukkan.

### **JENIS KESALAHAN KONTRAKTOR YANG BOLEH DIKENAKAN DENDA**

- i. Pengawal Keselamatan tidak datang untuk bekerja tanpa pengganti – denda dua kali ganda daripada kadar pembayaran.
- ii. Pengawal Keselamatan tidak berada di tempat tugas.
- iii. Pengawal Keselamatan tidak merakam waktu masuk dan tamat kerja.
- iv. Pengawal Keselamatan tidak memakai uniform dan kasut yang lengkap.
- v. Pengawal Keselamatan ditemui berjudi atau meminum minuman yang memabukkan.
- vi. Pengawal Keselamatan yang cuai menjalankan tugas dan dengan sengaja mendatangkan kerugian kepada pihak Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang atau Kerajaan Malaysia.